

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 20/08/2018

Edisi / Muka Surat : Nasional / 4

Tajuk : Angkasa mohon kaji peraturan lulus pembiayaan

## Angkasa mohon kaji peraturan lulus pembiayaan

**MELAKA 19 Ogos** - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) memohon kerajaan untuk mengkaji semula kaedah atau peraturan sedia ada melibatkan kelulusan pembiayaan sesuatu pinjaman agar perkembangan dan pembangunan gerakan koperasi negara dapat dipertingkatkan.



Naib Presiden Angkasa, Mohamad Azmi Omaruddin (gambar) berkata, inisiatif berkenaan juga perlu segera dilaksanakan bagi menambah baik kaedah atau peraturan sedia ada supaya lebih banyak peluang perniagaan dapat diceburi oleh anggota koperasi di seluruh negara sekali gus menyumbang pada peningkatan ekonomi negara dan anggota koperasi.

“Sekarang ini kalau kita lihat setiap pinjaman kredit yang ingin dibuat anggota koperasi perlu mendapatkan kelulusan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan proses ini melibatkan tempoh masa tertentu dan kadang kala menyebabkan peluang perniagaan yang ingin direbut terlepas begitu sahaja.

“Situasi ini bukan sahaja merugikan anggota koperasi malah juga negara secara dasarnya koperasi merupakan mekanisme utama sosioekonomi negara dan anggota, selain sektor ketiga tertinggi yang menyumbang pada pendapatan ekonomi negara selepas sektor swasta dan awam,” katanya kepada Bernama ketika ditemui pada Pertandingan Akhir Kejohanan Petanque Angkasa Peringkat Kebangsaan 2018 di sini hari ini.